

Mematuhi Akta Amalan Rasuah Asing AS dan Undang-Undang Anti Rasuah yang Lain

DASAR

Monsanto akan menjalankan urusan perniagaan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing (“FCPA”) AS dan undang-undang anti sogokan serupa di negara lain, termasuk undang-undang yang melaksanakan pelbagai konvensyen Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi(OECD) dan Pertubuhan Negara-Negara Amerika (OAS). Setiap orang yang tertakluk pada dasar ini, seperti dicatatkan di bawah, dilarang ketat daripada menawarkan, membayar, menjanjikan atau membenarkan apa jua sogokan, suapan atau benda berharga lain kepada mana-mana “Pegawai Asing”¹ secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga, demi mendapatkan kontrak, konsesi atau layanan istimewa lain bagi Monsanto. Selain itu, semua orang sedemikian dikehendaki mematuhi dasar dan prosedur Monsanto yang direka untuk memastikan pematuhan pada undang-undang ini. Akhir sekali, Monsanto akan mematuhi semua peruntukan perakaunan dan penyimpanan rekod yang terkandung dalam FCPA. Monsanto bergantung pada invois dan dokumen lain yang diterima daripada atau dikeluarkan oleh rakan niaga Monsanto bagi mewujudkan dan menyimpan akaun dan rekod yang tepat.

SKOP

Dasar ini berkuat kuasa atas semua tindakan yang dilakukan oleh rakan niaga bagi pihak Monsanto dan atas semua pegawai, pengarah, serta pekerja penuh dan paruh masa Monsanto. Di samping itu, dasar ini berkuat kuasa atas semua sekutu dan usaha sama yang dikuasai Monsanto.

Semua rakan niaga yang mewakili Monsanto (termasuk konsultan, ejen, wakil jualan, pengedar, dan kontraktor bebas), yang mungkin berinteraksi dengan "pegawai asing" bagi pihak "Syarikat" harus mematuhi semua bahagian berkenaan dalam dasar ini.

PERBINCANGAN

¹ “Pegawai Asing” merangkumi semua pekerja jabatan atau agensi bukan kerajaan AS, sama ada dalam cabang eksekutif, perundangan, atau kehakiman dan sama ada di peringkat negara, negeri atau tempatan (atau badan setara). Istilah ini meliputi pekerja paruh masa, pekerja tanpa gaji, sesiapa yang “bertindak dalam jawatan rasmi”, dan ahli keluarga diraja. Istilah “Pegawai” juga termasuk parti politik, pegawai parti, dan calon jawatan politik. Pegawai juga termasuk pekerja badan antarabangsa awam seperti Bangsa-Bangsa Bersatu (“PBB”), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (“FAO”) PBB, Jawatankuasa Penasihat Kapas Antarabangsa (“ICAC”) dan Institut Penyelidikan Dasar Makanan Antarabangsa. Akhir sekali, istilah “Pegawai Bukan Kerajaan AS” merangkumi pegawai dan pekerja institusi akademik awam dan syarikat milik atau kawalan kerajaan, meskipun syarikat itu diuruskan sebagai perbadanan milik swasta. Dalam banyak situasi, orang-orang ini tidak dianggap Pegawai oleh kerajaan mereka sendiri, dan mereka mahu dilayan sama seperti ahli perniagaan swasta yang lain. Tetapi, bagi tujuan FCPA, tidak relevan di sisi undang-undang sama ada seorang itu dianggap Pegawai atau bukan oleh kerajaan yang berkenaan. Tafsiran undang-undang AS yang menentukan.

FCPA mengharamkan pembayaran kepada “pegawai asing” – bahkan tawaran atau janji untuk membayarnya – demi mendapatkan atau mengekalkan peluang perniagaan. Apa jua bayaran kepada Pegawai Asing secara langsung atau tidak langsung melalui rakan niaga, termasuk hiburan dan hadiah yang mewah, bagi tujuan mendapatkan atau mengekalkan peluang perniagaan atau secara tidak wajar mempengaruhi sesuatu hal demi kelebihan Monsanto boleh dianggap sogokan dan boleh menyebabkan pelanggaran undang-undang.

FCPA menetapkan liabiliti atas pembayaran secara langsung mahupun tidak langsung kepada Pegawai Asing. Syarikat dan masing-masing pegawai atau pekerja boleh menanggung liabiliti atas pembayaran yang dibuat oleh rakan niaga, seperti wakil jualan, konsultan, ejen, kontraktor, subkontraktor, rakan usaha sama, atau selainnya, jika Syarikat membuat pembayaran atau memindahkan nilai lain kepada rakan niaga itu sedangkan Syarikat mengetahui atau ada alasan untuk mengetahui bahawa seluruh atau sebahagian bayaran itu akan digunakan untuk pembayaran tidak wajar kepada "pegawai asing". (Hal ini berkuat kuasa meskipun rakan niaga itu sendiri tidak tertakluk pada FCPA.) Liabiliti boleh timbul jika Syarikat menyedari fakta yang membayangkan "kemungkinan besar" bahawa rakan niaga berkenaan akan menyampaikan kesemua atau sebahagian nilai yang diterima daripada Syarikat itu kepada Pegawai Asing untuk tujuan rasuah. Oleh itu, Monsanto mesti berwaspada dalam hubungan dengan rakan niaga dan memuaskan diri bahawa rakan niaga akan mematuhi semua undang-undang anti rasuah yang berkenaan.

Seperti yang dinyatakan, dalam keadaan tertentu, hadiah dan hiburan serta perbelanjaan lain yang ditanggung bagi pihak Pegawai Asing boleh menimbulkan pelanggaran FCPA dan undang-undang anti rasuah sedunia yang lain. Oleh itu, semua Pengarah, pekerja dan wakil Monsanto mesti mematuhi dasar Syarikat tentang peruntukan wang dan pembayaran kembali untuk hadiah, jamuan, hiburan dan perjalanan (Dasar Penguasa Korporat No 85001.00). Rakan niaga tidak dibenarkan memberi hadiah atau hiburan untuk Pegawai Asing bagi pihak Monsanto kecuali diberi kuasa secara bertulis untuk berbuat begitu.

Rakan niaga yang bertindak bagi pihak Syarikat mungkin diminta membuat bayaran pelancar atau pencepat kepada Pegawai Asing bagi mempercepatkan atau memastikan pelaksanaan tindakan rutin kerajaan oleh pegawai berkenaan. Pembayaran itu mungkin melanggar undang-undang tempatan. Oleh itu, dasar Monsanto melarang perbuatan menawarkan atau membuat bayaran pelancar. Apa jua permintaan untuk pembayaran sedemikian mesti ditolak dan dilaporkan serta merta kepada Kumpulan Kerja Serantau anda atau, bagi rakan niaga, kepada kontak urusan anda yang utama di Monsanto.

Dalam sesetengah keadaan, pembayaran kepada Pegawai Asing mungkin layak mendapat pengecualian sempit daripada FCPA untuk bayaran "kesihatan dan keselamatan" yang dibuat kerana ugutan atau tekanan. Dalam sejarah perundangan FCPA, ugutan dikenal pasti sebagai pembelaan terhadap tuduhan melanggar FCPA; tetapi pembelaan ini hanya diterima dalam kecemasan, apabila pembayaran akan mengurangkan bahaya kepada kesihatan atau keselamatan seseorang atau kemusnahan serta merta terhadap harta benda. Asas bagi menggunakan ugutan sebagai pembelaan adalah, dalam kecemasan sedemikian, individu yang membuat pembayaran tiada niat rasuah yang cukup untuk memberi sogokan. Pembayaran kepada "pegawai asing" apabila kesihatan atau keselamatan seseorang terancam tidak melanggar Dasar Anti Rasuah Monsanto. Tetapi, ancaman itu mestilah boleh diyakini. Semua pembayaran kesihatan dan keselamatan mesti dilaporkan kepada Penasihat Umum, Penguasa Korporat, Pemimpin Undang-

Undang Serantau dan Pemimpin Kewangan Serantau dalam masa satu (1) hari urusan setelah pembayaran.

Pengarah, pekerja atau rakan niaga yang membuat pembayaran tidak wajar kepada Pegawai Asing menghadapi tindakan disiplin yang dikenakan oleh Syarikat, serta tindakan undang-undang kerana melanggar undang-undang dikenakan. Tindakan disiplin mungkin diambil terhadap individu yang:

- Mengetahui pelanggaran terhadap Dasar ini sedang diura-urakan oleh orang lain, lalu tidak melaporkannya kepada Pejabat Peri Laku Perniagaan atau Kumpulan Kerja Serantau mereka, atau
- Mengetahui terjadinya pelanggaran terhadap Dasar ini oleh mereka sendiri atau pekerja lain, lalu tidak melaporkannya kepada Pejabat Peri Laku Perniagaan atau Kumpulan Kerja Serantau mereka.

AUDIT

Jabatan Audit Dalaman Monsanto akan mengaudit pematuhan kepada Dasar ini.